

20 AUG 2001
SNNI-PELANCARAN
SNNI DILANCARKAN DI UGANDA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 20 Ogos (Bernama) -- Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi) - rangkaian pertukaran berita dalam lingkungan Perkongsian Pintar Selatan-Selatan - dengan rasminya dilancarkan hari ini, sekaligus menyediakan negara-negara membangun dengan pendapat alternatif mengenai isu-isu semasa yang membabitkan mereka.

Rangkaian ini dilancarkan bersama oleh Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 yang sedang berlangsung di Speke Resort, Perkampung Munyonyo kira-kira 15 km dari sini.

SNNi (www.SNNi.org) akan menyediakan berita-berita yang disumbang oleh pertubuhan-pertubuhan berita dari Afrika dan Malaysia ke laman web di Internet.

Antara pertubuhan-pertubuhan berita dari Afrika yang menyertai ialah The New Vision, Uganda, Agensi Berita Mozambique dan The Herald, Zimbabwe.

Dari Malaysia pula, pertubuhan-pertubuhan berita termasuklah agensi berita nasional Bernama, The New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia.

Pertubuhan-pertubuhan ini dijangka memasukkan dua item berita setiap hari ke dalam laman web berkenaan.

Semalam, Museveni, Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menandatangani Deklarasi Mengenai Media Munyonyo-Kampala yang sekaligus membuka jalan untuk pengwujudan rasmi SNNi ke arah pengamalan melahirkan pendapat dan pandangan secara bebas.

Ia turut memungkinkan penerokaan swasta dengan pendaftaran syarikat di Malaysia -- Smart News Network International Sdn Bhd dengan modal berbayar RM100,000.

Pengerusi eksekutif Utusan Malaysia Tan Sri Kamarul Ariffin memberitahu pemberita di sini yang SNNi akan menjadi sumber berita alternatif ekoran kerap terdapatnya laporan yang berat sebelah mengenai negara-negara membangun oleh agensi-agensia berita barat.

"Ini merupakan sesuatu yang nyata hasil daripada dialog perkongsian pintar antara negara-negara membangun."

Beliau berkata rangkaian itu juga akan memasukkan media elektronik dan penyiaran.

Bagaimanapun, beliau menambah "kita bukannya bersaing ataupun menggantikan sesiapa, kita cuma menyediakan pendapat yang berlainan oleh sebuah saluran tambahan."

Beliau berkata Seychelles dan Mauritius berminat untuk menyertai rangkaian itu. -- BERNAMA

MR MFJ AA OS